

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

*Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Marin Kapal.*

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

1. Apakah Insurans Marin Kapal?

Polisi Kapal Marin melindungi badan kapal dan mesin kapal, termasuk lekapan dan kelengkapannya. Ia juga memberi perlindungan liabiliti terhadap melindungi pemilik kapal terhadap tuntutan pihak ketiga seperti yang diperuntukkan di klausa polisi.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Perlindungan/manfaat di bawah polisi ini adalah tertakluk kepada klausa polisi.

- Institute Time Clauses - Hull (ITC-Hulls) Kondisi Penuh 1/11/95
Klausa ini memberikan perlindungan Kerugian Separa dan Kerugian Menyeluruh bagi kapal yang diinsuranskan
- Institute Time Clauses (Kerugian Menyeluruh) 1/11/95
Klausa ini memberi perlindungan secara Kerugian Menyeluruh (Kerugian Sebenar Keseluruhan dan Kerugian Membina Keseluruhan) (*Actual Total Loss and Constructive Total Loss*) ke atas kapal yang diinsuranskan.

Kedua-dua Klausa bagi seksyen masing-masing melindungi risiko-risiko berikut, tertakluk kepada senarai pengecualian

Polisi/Sijil ini melindungi :	Polisi/Sijil ini tidak melindungi :
<ul style="list-style-type: none"> • Peril di laut sungai tasik atau lain-lain perairan yang boleh dilayari • Kebakaran, letupan • Kecurian dengan menggunakan kekerasan oleh orang dari luar kapal • Pembuangan ke dalam laut • Perlanunan • Kerosakan atau kemalangan kepada pemasangan nuclear atau reactor • Perlanggaran dengan pesawat udara atau objek seumpamanya atau objek yang jatuh daripadanya di darat kenderaan darat, dok atau peralatan pelabuhan atau pemasangan • Gempa bumi letusan gunung berapi atau kilat • Kemalangan ketika pemunggahan, pemunggahan keluar atau pemedahan barangan atau bahan api • Letupan dandang syaf patah atau kecacatan pendam dalam mesin atau badan kapal • Kecuaian Ketua Pegawai Anak Kapal atau Pemandu Kapal • Kecuaian pihak pembaik pulih atau penyewa kapal dengan syarat pembaik pulih atau penyewa sedemikian bukanlah pemegang polisi • Baratri oleh ketua pegawai atau anak kapal. 	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko peperangan dan mogok • Pengecualian nuklear • Pencemaran radioaktif, kimia , biologi, bio-kimia dan senjata elektromagnetik • Keganasan militan
<p>Dengan membayar premium tambahan, anda boleh melanjutkan polisi untuk melindungi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Risiko Peperangan dan Mogok tertakluk kepada Klausa Peperangan dan Mogok 1/11/95 • Liabiliti Perlanggaran - anda boleh diinsuranskan bagi keseluruhan 4/4 daripada liabiliti anda berbanding 3/4 daripada liabiliti anda. • Pelanjutan Perlindungan dan Indemniti tertakluk kepada Klausa 9 ITC Risiko Pelabuhan 20/7/87 	
<p>Tempoh perlindungan adalah untuk setahun. Anda perlu membuat pembaharuan tahunan insurans.</p>	
<p>Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat di bawah Polisi ini</p>	

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Marin Kapal, anda boleh



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744) or
603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Emel kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada syarat pengunderaitan syarikat insurans.

Untuk tujuan ilustrasi, dengan andaian jumlah perlindungan ialah RM 500,000.00 dan perlindungan yang diambil adalah dalam perkadaran berikut: ITC - Harta Benda Kapal 2.0%, Tambahan perlindungan bagi Peperangan dan Mogok 0.05%, Tambahan perlindungan lain 0.20%, maka kadar premium keseluruhan ialah 2.25% daripada jumlah perlindungan.

Bagi Insurans Kapal Marin, anda perlu membayar premium berikut

Perlindungan Standard	:	RM10,000.00
Perlindungan Tambahan	:	
• Peperangan dan Mogok	:	RM250.00
• Tambahan Perlindungan Lain	:	RM1000.00

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut

Duti Setem	:	RM10.00
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	:	8%
Komisen (jika ada)	:	Maksimum 15% daripada jumlah premium kasar

4. Syarat dan Terma Lain

- **Tanggungjawab Pendedahan:** Anda mesti memberikan semua maklumat permohonan lengkap dan tepat serta mendedahkan perkara yang diketahui atau dijangka relevan.
- Sebarang pengabaian atau pernyataan fakta tidak benar membolehkan penanggung membatalkan kontrak, menjadikannya tidak sah dari awal.
- Insurans tertakluk kepada jaminan premium 60 hari; jika tidak dibayar tepat waktu, polisi dibatalkan, penanggung menerima premium pro rata.
- **Tuntutan (Claims):** Anda mesti segera memberitahu pihak bertanggungjawab sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan bagi memproses tuntutan dengan betul.
- **Excess (Tanggungan Sendiri):** Excess ialah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sendiri apabila membuat tuntutan di bawah polisi insurans.
- **Jumlah Perlindungan:** Jumlah perlindungan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kapal, termasuk laporan penilaian terkini yang diberikan untuk tujuan polisi.

Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada terma dan syarat penuh yang dinyatakan dalam polisi

5. Bolehkan saya membatalkan polisi/sijil saya?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebarang bayaran balik premium selepas pembatalan adalah mengikut syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 5 Februari 2026.